

**Linda Ling Hui Ting**  
Lindaling\_97@yahoo.com

**Wenddy Kukundu**  
Wenddyneomi97@gmail.com

## 1. TAJUK INOVASI

**KIT AJAIB KERJASAMA** (Pendidikan Moral)  
(Penyertaan Kategori Pelajar Guru)

## 2. OBJEKTIF

- a) Mengeratkan silaturahmi antara pelajar berbilang kaum.
- b) Menghasilkan alat bantu mengajar dalam pembelajaran dan pengajaran yang lebih menarik dan berkesan.
- c) Menerapkan nilai bekerjasama dalam pembelajaran dan pengajaran melalui interaksi yang terhasil dari permainan.

## 3. KEDUDUKAN SEBELUM INOVASI DILAKSANAKAN

Kami merupakan pelajar Pendidikan Jasmani Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda (PPISMP) Ambilan Jun 2015. Kami mengambil Kursus Pendidikan Moral di IPG Kampus Batu Lintang pada bulan Januari 2016. Kami melaksanakan inovasi PdP sebagai sebahagian daripada keperluan kerja kursus Pendidikan Moral (GPM1083).

Berdasarkan pengalaman sewaktu berada di sekolah rendah dan menengah, kami mendapati bahawa ramai pelajar yang seringkali hilang daya tumpuan atau kurang berminat dengan subjek Pendidikan Moral ketika PdP sedang berlangsung. Contohnya, setiap kali PdP sedang berlangsung, pelajar akan mulai mengantuk.

Selain itu, pelajar juga terpisah dan berkelompok mengikut kaum masing-masing dalam kelas. Situasi ini telah memotivasikan kami untuk mencipta "Kit Ajaib Kerjasama" sebagai alternatif bagi mengatasi masalah tersebut.

Inovasi PdP ini juga merupakan alat bahan bantu mengajar (ABBM) bagi membantu menerangkan konsep isi pelajaran yang disampaikan dengan kaedah lebih menarik dan berkesan dalam menyatukan pelajar yang terdiri daripada pelbagai kaum.

## 4. MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI

Sepanjang pemerhatian kami semasa bersekolah di sekolah rendah dan sekolah menengah dahulu, kebanyakan guru yang mengajar dalam subjek

Ramai guru Pendidikan Moral tidak mengambil kisah mengenai teknik dan strategi pengajaran menggunakan ABBM. Padahal, teknik pengajaran menggunakan ABBM bercirikan inovasi sebenarnya mampu menarik perhatian pelajar untuk menumpukan perhatian dan menyatukan pelajar yang gemar bersosial mengikut kaum masing-masing. Maka, disinilah kami mulai merangka jalan penyelesaian bagi masalah ini.

## **5. INOVASI YANG TELAH DILAKSANAKAN**

### **5.1 Kaitan dengan P&P atau penyelidikan**

Inovasi ini merupakan inovasi Kit Pembelajaran dan Pengajaran yang mudah dan mampu merangsang minat pelajar dalam menumpukan perhatian. Perkara yang lebih penting adalah mampu menyatukan pelajar berbilang kaum melalui permainan yang dilaksanakan dalam inovasi ini. Arahan permainan inovasi dalam Kit juga senang difahami dan dilaksanakan oleh pelajar secara berkumpulan. Malahan, pelajar akan memanipulasi nilai melalui permainan yang disediakan dalam Kit.



*Rajah 1. Kit sedang dibuka*

### **5.2 Deskripsi inovasi**

Kami telah membina inovasi pembelajaran dan pengajaran bagi tujuan menerapkan nilai kerjasama dan perpaduan antara satu sama lain semasa bermain permainan tali terpanjang dan permainan susun kata-kata. Inovasi ini terdiri daripada 3 kotak iaitu dalam satu kotak yang lebih besar, terdapat 2 lagi kotak yang kecil iaitu kotak A dan kotak B. Dalam kotak yang kecil itu terdapat jenis permainan beserta dengan peraturan dan arahan. Setiap kotak kecil mempunyai satu jenis permainan.

### 5.3 Kos

**Kos inovasi** terdiri daripada; kertas polisterin RM 5.00, kertas warna RM 4.50, kotak kasut dan tali pula didapati secara percuma.

### 5.4 Strategi penggunaan inovasi

Kit ini sesuai digunakan dalam pembelajaran dan pengajaran nilai kerjasama. Mula-mula, guru memperkenalkan definisi kerjasama yang terdapat di luar kotak. Seterusnya, guru akan minta pelajar untuk memilih kotak kecil A atau B. Kotak kecil A merupakan permainan tali terpanjang yang lebih kepada keseronokan dalam membina asas kepada nilai kerjasama. Manakala kotak kecil B merupakan permainan susun kata-kata yang lebih kepada berfikir. Di bawah merupakan arahan bagi kedua-dua permainan ini.

#### a) Kertas Terpanjang

- Pelajar akan dibahagi kepada beberapa kumpulan mengikut jumlah pelajar.
  - Setiap kumpulan akan diberi sekeping kertas dan pelajar harus membuat kertas terpanjang dari kertas yang telah diberikan oleh guru.
  - Kepingan kertas adalah terpulung dengan kreativiti kumpulan.
  - Masa diberikan hanya 3 minit.
  - Kerjasama kumpulan diperlukan dalam permainan ini.
  - Kertas akan dibekalkan oleh guru
- Permainan ini adalah untuk menerapkan nilai kerjasama dalam murid-murid. Mereka akan bekerjasama untuk membuat kertas yang terpanjang untuk menang dan hal ini dapat mengeratkan lagi hubungan mereka antara satu sama lain.

#### b) Susun kata-kata

- Pelajar akan dibahagi kepada beberapa kumpulan.
- Setiap ketua kumpulan akan mengambil satu sampul berwarna daripada kotak yang telah disediakan oleh guru.
- Pelajar akan mendapat abjad serta soalan.
- Pelajar akan menyusun abjad yang telah disediakan dalam sampul yang diberikan kepada perkataan dan menulis jawapan dalam ruang yang diberi.
- Kumpulan yang dapat menyusun abjad dengan betul, tepat dan cepat akan menang.

- Melalui permainan ini, murid-murid akan bekerjasama untuk menyusun abjad yang telah diberi dan memberikan idea antara satu sama lain. Perpaduan kaum dapat diterapkan dalam kalangan pelajar serta menanam nilai kerjasama dalam diri mereka.

### 5.5 Keadaan selepas inovasi

Berdasarkan pemerhatian dan maklum balas daripada kelas Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Jasmani Ambilan Jun 2015, saya mendapati maklum balas dan ulasan yang mereka berikan selepas perkongsian Kit Ajaib kerjasama ini bahawa Kit antara lain, mampu untuk memupuk nilai kerjasama antara pelajar pelbagai bangsa dan keseronokan juga mampu dirasai semasa melaksanakan PdP.

### 5.6 Perkongsian inovasi

Inovasi ini telah kami kongsi dengan pelajar Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda (PPISMP) Pendidikan Jasmani Ambilan Jun 2015. Selain itu, kami juga telah membuat perkongsian dengan pelajar Pendidikan Moral di bawah bimbingan Encik Mohd Richard Neles Abdullah dalam Kursus Pendidikan Moral.



Rajah 2. Pelajar PPISMP PJM sedang mendengar perkongsian



Rajah 3. Salah seorang pelajar Pendidikan Jasmani sedang mengambil soalan

## 6. FAEDAH-FAEDAH DARIPADA INOVASI YANG TELAH DILAKSANAKAN

Inovasi ini telah membawa banyak kebaikan kepada murid-murid semasa pembelajaran dan pengajaran dijalankan dalam kelas. Antara faedahnya adalah pelajar dapat mengeratkan silaturahim antara satu sama lain. Selain itu, murid-murid juga dapat menanam nilai kerjasama semasa aktiviti dijalankan. Ianya juga memudahkan guru untuk mengajar serta dapat menarik lagi perhatian murid-murid di dalam kelas. Inovasi PdP ini juga memberi peluang kepada murid-murid untuk mengaplikasikan kerjasama dengan permainan 'kertas terpanjang' dan 'susun kata-kata.'

Inovasi ini bukan sahaja penting dalam bilik darjah malah ia juga adalah untuk mendedahkan kepada murid-murid mengenai nilai kerjasama serta dapat mengamalkan perpaduan antara satu sama lain dalam kehidupan seharian. Selain itu, ia juga merupakan amalan penting dalam masyarakat kita yang berbilang agama, kaum dan budaya.

### Rujukan

Arumugam, K. A., Ling, C. K. & Muhammad, N. (2010). *Pendidikan Moral Tingkatan 5*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Mohd Richard Neles Abdullah (2015). Kit HB&K (Hubungan Baik dan

Linda Ling Hui Ting & Wendy Kukundu/ Kit Ajaib Kerjasama  
(Pendidikan Moral)

Kerjasama). *Koleksi Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran IPGK BL Tahun 2015*. Kuching: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. 20-32.

Siti Nor Azzila Amit (2015). Kit tingkat kerjasama. *Koleksi Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran Tahun 2015 IPGK BL*. Kuching: Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. 76- 81.

Suratno, M. (2013, April 23). Penanaman nilai kerjasama untuk membentuk kompetensi mahasiswa dalam perspektif pembelajaran kolaboratif. Diakses dari [https://www.academia.edu/4105978/Penanaman\\_Nilai\\_Kerjasama\\_Untuk\\_Membentuk\\_Kompetensi\\_Mahasiswa\\_Dalam\\_Perspektif\\_Pembelajaran\\_Kolaboratif](https://www.academia.edu/4105978/Penanaman_Nilai_Kerjasama_Untuk_Membentuk_Kompetensi_Mahasiswa_Dalam_Perspektif_Pembelajaran_Kolaboratif)

t.n. (2012, may 12). Pengertian kerjasama. Diakses dari <http://www.temukanpengertian.com/2013/09/pengertian-kerjasama.html>